MENCONTOHI SOLAT MALAM

QIAMULLAIL/TARAWIH/WITIR RASULULLAH

Ustaz Rasul bin Dahri

Ustaz Rasul bin Dahri

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

انَّ الْحَمْدَ لله ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ اَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ ، وَاَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ .

{يَااَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ اِلاَّ وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ} {يَا اَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيْرًا وَنِسَاءً ا ، وَاتَّقُوْا اللهَ الَّذِيْ تَسَآءَ لُوْنَ بِهِ وَالاَرْحَامِ ، اِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا} { يَااَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا ، يُصْلِحْ لَكُمْ اَعْمَالَكُمْ ، وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ ، وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَفَوْزًا عَظِيْمًا} . اَمَّا بَعْدُ:

فَاِنَّ اَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَاَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَرَّ الأُمُوْرِ مُحْدَثَاتُهَا ، فَاِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ.

MENCONTOHI SOLAT MALAM (TARAWIH) RASULULLAH (SAW)

Menghidupkan bulan Ramadan dengan solat malam adalah amalan Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wa-sallam dan para Salaf as-SoIeh. Baginda bersabda:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

> ***"Barang siapa yang bangun (menghidupkan) Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharap ganjaran nescaya diampunkan dosanya yang telah berlalu".*** [1]

Menurut keterangan dari hadis-hadis sahih bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi -wa-sallam tidak pernah solat malam (qiamullail, tahajjud atau tarawih/qiamu Ramadan) melebihi sebelas rakaat. Ini dapat disahihkan melalui pembuktian dari hadis-hadis sahih yang menerangkan tentang hal yang demikian. Antara hadis-hadis yang dimaksudkan ialah:

[1] Hadis Mutafaqun 'alaihi.

Hadis Pertama
(Solat Malam Tidak Melebihi Sebelas Rakaat)

(1). عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِالرَّحْمَنِ ، أَنَّهُ سَأَلَ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ
عَنْهَا كَيْفَ كَانَتْ صَلاَةُ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِى
رَمَضَانَ ؟ فَقَالَتْ : مَا كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزِيْدُ
فِى رَمَضَانَ وَلاَ فِى غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً ، يُصَلِّى أَرْبَعًا
فَلاَ تَسَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُوْلِهِنَّ ، ثُمَّ يُصَلِّى أَرْبَعًا فَلاَ تَسَلْ عَنْ
حُسْنِهِنَّ وَطُوْلِهِنَّ ، ثُمَّ يُصَلِّى ثَلاَثًا.

"Dari Abi Salamah bin Abdurrahman bahawasanya beliau bertanya kepada 'Aisyah radiallahu 'anha tentang solat Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam pada bulan Ramadan maka beliau menjawab; Tidak pernah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam sama ada pada bulan Ramadan atau bulan selainnya mengerjakan solat melebihi sebelas rakaat iaitu dengan solat empat rakaat, jangan ditanyakan tentang bagusnya dan panjangnya (solat baginda). Kemudian solat empat rakaat jangan ditanya tentang bagus dan panjangnya (solat baginda) dan kemudian solat tiga rakaat".[2]

Menurut Imam an-Nawawi rahimahullah bahawa melalui zahir hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim di atas ini, ia menunjukkan bahawa solat malam Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam tidak melebihi sebelas rakaat iaitu dengan cara empat rakaat dua tasyahhud dan satu salam, baginda duduk bertasyahud setiap dua rakaat tetapi tidak memberi salam (solat empat rakaat satu salam seperti Zohor, Asar dan Isya'). [3]

Hadis ini menunjukkan bahawa solat malam tidak melebihi sebelas rakaat tetapi ada katanya dikerjakan dengan cara yang kurang dari sebelas rakaat.

---

2 H/R Bukhari dan Muslim.
3 Inilah antara pendapat Syeikh Muhammad Nasiruddin al-Albani rahimahullah.

Walaupun ada cara dan dibolehkan solat witir empat rakaat yang menyerupai solat Isya', namun ada pendapat yang melarang berwitir tiga rakaat kerana menyerupai solat Maghrib (dua tasyahud satu salam), mereka berpegang dengan hadis:

لاَ تُوْتِرُ بِثَلاَثٍ تُشَبِّهُوْا بِالْمَغْرِبِ ، وَلَكِنْ أَوْتِرُوْا بِخَمْسٍ.

"Janganlah berwitir tiga rakaat, ia menyerupai solat Maghrib tetapi berwitirlah lima rakaat". [4]

Hadis di atas ini disahihkan oleh Imam Tahawi, Ibnu Hajar al-Asqalani dalam Fathul Bari 2/385 dan disahihkan juga oleh San'ani dalam Subulus Salam 2/8. Tetapi yang paling rajih ialah tidak duduk di rakaat kedua (tidak membaca tahiyyat) dan terus bangun ke rakaat ketiga kecuali jika ingin memberi salam, kemudian (setelah memberi salam) bangun dan witir satu rakaat sebagaimana hadis:

"(Iaitu) dengan memberi salam setiap dua rakaat dan kemudian solat witir satu rakaat" [5]

Dalil atau hujah bahawa yang paling rajih tidak duduk membaca tahiyyat di rakaat yang kedua bagi yang berwitir tiga rakaat ialah sabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam:

ثُمَّ يُصَلِّي ثَلاَثًا

"Kemudian baginda solat tiga rakaat". [6]

---

[4] H/R Baihaqi.

[5] H/R Bukhari. Lihat: Jaam'ul Usul, pp. 91-96. Dan Muslim bab Salatul Lail wa 'Adadu Raka'atin No. 736.

[6] H/R Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Nasaii, Malik, Ahmad dan Baihaqi.

BEBERAPA CARA SOLAT WITIR MENGIKUT SUNNAH

Ada beberapa cara solat witir yang telah dicontohkan oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam yang wajib diikuti. Cara-cara tersebut ialah:

Solat Witir Tiga Rakaat

Walaupun Rasulullah mengerjakan solat witir tiga rakaat namun tidak pernah ada contohnya dari baginda melakukannya dengan dua tasyahhud, tambahan pula hadis yang menerangkan solat cara ini mempunyai kelemahan pada sanadnya. Sebaiknya berwitirlah dengan cara sunnah iaitu:

Cara Pertama:
Melakukan cara berwitir tiga rakaat iaitu dua rakaat satu salam, kemudian didirikan lagi satu rakaat. Walaupun dibaca dua tasyahhud, tetapi dipisahkan dengan salam pada rakaat yang kedua berdasarkan hadis:

صَلاَةُ اللَّيْلِ مَثْنَى مَثْنَى ، فَإِنْ خَشِيَ أَحَدُكُمُ الصُّبْحَ ، صَلَّى رَكْعَةً وَاحِدَةً يُوتِرُ لَهُ مَا قَدْ صَلَّى.

"Solat malam itu dua rakaat dua rakaat, jika salah seorang kamu takut bertembung dengan Subuh maka berwitirlah satu rakaat penyambung apa yang telah dikerjakan". [7]

Cara Kedua:
Didirikan terus tiga rakaat, tidak duduk untuk bertahiyyat kecuali di rakaat ketiga dengan solat tiga rakaat satu salam iaitu satu tahiyyat dan satu salam berdasarkan hadis:

[7] H/R Bukhari 2/382 dan 385. Muslim 2/172. Malik 1/144.

كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوْتِرُ بِثَلاَثٍ ، لاَ يُسَلِّمُ إِلاَّ فِي آخِرِهِنَّ.

"Rasulullah saw mengerjakan solat witir tiga rakaat, baginda tidak memberi salam kecuali di akhir rakaat".[8]

Cara kedua inilah menjadi pilihan Ahli Ilmu yang terdiri dari para sahabat dan kalangan Salaf as-Soleh selepas para sahabat iaitu berwitir secara tiga rakaat bersambung.

Ayat-ayat yang dibaca semasa witir tiga rakaat ialah:

1. Dibaca (سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى) di rakaat pertama, (قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ) di rakaat kedua dan (قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ) di rakaat yang ketiga. [9]
2. Atau di rakaat ketiga dibaca tiga Qul iaitu (قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ) kemudian (قُلْ أَعُوْذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ) dan kemudian (قُلْ أَعُوْذُ بِرَبِّ النَّاسِ). [10]

Solat Witir Lima Rakaat

Ada kalanya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam mengerjakan solat witir lima rakaat. Adapun cara-caranya sebagaimana yang telah dicontohkan oleh baginda ialah:

Cara Pertama:
Mendirikan solat witir dengan dua rakaat kemudian dua rakaat dan setelah itu satu rakaat. Iaitu keumuman hadis:

صَلاَةُ اللَّيْلِ مَثْنَى مَثْنَى ، فَإِذَا خَشِيَ أَحَدُكُمُ الصُّبْحَ ، صَلَّى رَكْعَةً وَاحِدَةً تُوْتِرُ لَهُ مَا قَدْ صَلَّى.

"Solat malam itu dua rakaat dua rakaat, sekiranya salah seorang kamu takut masuk Subuh maka berwitirlah satu rakaat sebagai penutup bagi solat yang telah dikerjakan". [11]

---

[8] H/R Hakim. Lihat: Mustadrak 1/304. Dan Lihat: Fathul Bari 2/481. Ibn Hajar.
[9] Lihat: Sunan at-Tirmizi. Jld. 2. hlm. 236.
[10] Ibid, dan hadis sahih riwayat at-Tirmizi.
[11] H/R Bukhari 2/382 dan 385. Muslim 2/172. Malik 1/144.

Cara Kedua:
Mendirikan solat witir lima rakaat secara berterusan.

وَأَنَّهُ صَلَّى خَمْسَ رَكَعَاتٍ لَمْ يَجْلِسْ إِلاَّ فِي آخِرِهَا.

"Sesungguhnya baginda solat lima rakaat, baginda tidak duduk (tahiyyat) kecuali di rakaat yang terakhir".[12]

(bersambung), tidak duduk bertahiyyat kecuali di akhir rakaat. Iaitu berdasarkan hadis:

وَكَانَتْ صَلاَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ اللَّيْلِ ثَلاَثَ عَشْرَةَ رَكْعَةً ، يُوتِرُ مِنْ ذَلِكَ بِخَمْسٍ ، لاَيَجْلِسُ فِي شَيْءٍ مِنْهُنَّ إِلاَّ فِي آخِرِهِنَّ.

"Solat malam Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam tigabelas rakaat, berwitir darinya lima rakaat dan tidak duduk dari setiap rakaat kecuali di akhir rakaat".[13]

Solat Witir Tujuh Rakaat

Adakalanya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam solat witir tujuh rakaat iaitu dengan cara:

Cara Pertama:
Iaitu solat witir dua rakaat satu salam kemudian dua rakaat lagi satu salam sehinggalah mencapai enam rakaat dan diakhiri dengan satu witir menjadi tujuh rakaat:

فَلَمَّا أَسَنَّ نَبِيُّ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَخَذَ اللَّحْمَ أَوْتَرَ بِسَبْعٍ

"Dan setelah Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam berumur (tua) dan bertambah gemuk baginda berwitir tujuh rakaat". [14]

[12] Lihat: Musnad Abi 'Awanah. 140. Jld. 2. hlm. 54. Dan No 2297. 2/140. Begitu juga pendapat Imam as-Syafie. Lihat: Sunan Abi 'Awanah No. 2298. Jld. 2, hlm. 140.
[13] H/R At-Turmizi dalam as-Sunan. 2/337.
[14] H/R Muslim 2/169-170. Abu 'Awanah 2/321,325. Abu Daud 1/21-211.Nasaii 1/244. Baihaqi 3/30 dan Ahmad.

Cara Kedua:
Iaitu solat witir dengan tujuh rakaat, dilakukan terus-menerus atau bersambung. Baginda tidak duduk tahiyyat kecuali pada rakaat keenam, setelah selesai tahiyyat baginda terus berdiri tidak memberi salam, kemudian di rakaat ketujuh baginda bertahiyyat dan memberi salam. Cara ini berdasarkan hadis:

> ***"Setelah baginda semakin lanjut usia dan lemah baginda solat witir tujuh rakaat, baginda tidak duduk tahiyyat kecuali pada rakaat keenam, kemudian bangkit dan tidak mengucapkan salam, selanjutnya baginda mengerjakan rakaat ketujuh lalu mengucapkan salam".***[15]

Solat Witir Sembilan Rakaat

Menurut hadis yang sahih, baginda melakukan solat witir sembilan rakaat dengan cara yang berikut:

Cara Pertama:
Baginda solat witir dua rakaat dua rakaat sehingga lapan rakaat, kemudian diakhiri dengan witir satu rakaat. Sebagaimana dasarnya dari hadis:

وَيُصَلِّى تِسْعَ رَكَعَاتٍ لاَ يَجْلِسُ فِيهَا إِلاَّ فِى الثَّامِنَةِ

> ***"Baginda solat sembilan rakaat, baginda tidak duduk (tasyahhud) kecuali pada rakaat yang kelapan".***[16]

Cara Kedua:
Solat sembilan rakaat bersambung (terus menerus), tidak duduk kecuali di rakaat kelapan dan bertasyahhud setelah selesai tahiyyat tidak memberi salam tetapi bangun untuk witir satu rakaat sehinggalah bertasyahhud yang kedua kemudian memberi salam.

---

15 H/R Muslim No.746. Nasaii 3/40.
16 H/R Muslim. No. 746.

Solat Witir Sebelas Rakaat

Ada kalanya Rasulullah sallallahu 'alalhi wa-sallam melakukan witir sebelas rakat dengan dua cara:

Cara Pertama:
Dilakukan dengan dua rakaat dua rakaat sehingga mencapai sepuluh rakaat, kemudian mengerjakan witir satu rakaat berdasarkan hadis:

إِنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّى بِاللَّيْلِ إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً يُوْتِرُ مِنْهَا بِوَاحِدَةٍ.

"Sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam biasa mengerjakan solat pada malam hari sebelas rakaat dan berwitir satu rakaat".

Hadis ini dikuatkan oleh hadis:

كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّى فِيْمَا بَيْنَ أَنْ يَفْرَغَ مِنْ صَلاَةِ الْعِشَاءِ (وَهِيَ الَّتِيْ يَدْعُوْ النَّاسُ الْعَتَمَةَ) إِلَى الْفَجْرِ إِحْدَى عَشَرَةَ رَكْعَةً ، يُسَلِّمُ بَيْنَ كُلِّ رَكْعَتَيْنِ وَيُوْتِرُ بِوَاحِدَةٍ.

"Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam solat sebelas rakaat pada waktu antara selesai solat Isyak' (Iaitu waktu yang disebut oleh manusia sebagai 'atamah) sampailah ke Subuh, solat baginda sehingga sebelas rakaat dan mengerjakan solat witir satu rakaat".[17]

Cara Kedua:
Pada solat witir sebelas rakaat pula dikerjakan dengan cara solat empat rakaat empat rakaat dan kemudian melakukan witir tiga rakaat. Ini berdasarkan hadis:

مَا كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزِيْدُ فِى رَمَضَانَ وَلاَ فِى غَيْرِهِ إِحْدَى عَشَرَةَ رَكْعَةً ، يُصَلِّى أَرْبَعًا فَلاَ تَسَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ

[17] H/R Muslim 736.

وَطُولِهِنَّ ثُمَّ يُصَلِّى أَرْبَعًا فَلاَ تَسَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ ثُمَّ يُصَلِّى ثَلاَثًا.

"Tidak pernah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam solat di bulan Ramadan dan tidak pula di bulan lainnya melebihi sebelas rakaat, baginda solat empat rakaat, jangan ditanya tentang bagus dan panjangnya, kemudian solat empat rakaat jangan ditanya panjang dan bagusnya, kemudian baginda solat tiga rakaat".[18]

[18] H/R Bukhari dan Muslim.

Waktu Bermula dan
Waktu Terakhir Solat Witir

Berwitirlah selepas solat Isya' dan sebelum masuk waktu solat Subuh sebagaimana sabda Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam:

(1). عَنْ أَبِيْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَوْتِرُوْا قَبْلَ أَنْ تُصْبِحُوْا.

"Dari Abu Said al-Kudri berkata: Telah bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Berwitirlah kamu sebelum kamu menempuh solat Subuh".[19]

(2). أَوْتِرُوْا قَبْلَ الْفَجْرِ.

"Berwitirlah sebelum fajar"[20]

(3). إِذَا طَلَعَ الْفَجْرُ فَقَدْ ذَهَبَ كُلُّ صَلاَةِ اللَّيْلِ وَالْوِتْرِ ، فَأَوْتِرُوْا قَبْلَ طُلُوْعِ الْفَجْرِ.

"Apabila terbit fajar maka telah terlepas semua solat malam dan solat witir maka berwitirlah kamu sebelum terbit fajar".[21]

(4). إِنَّ اللهَ زَادَكُمْ صَلاَةً وَهِيَ الْوِتْرُ ، فَصَلُّوْهَا فِيْمَا بَيْنَ صَلاَةِ الْعِشَاءِ إِلَى صَلاَةِ الْفَجْرِ.

"Sesungguhnya Allah telah menambah untuk kamu satu solat iaitu witir, oleh itu kerjakanlah witir antara solat Isya' dan sampai solat Subuh"[22]

---

[19] H/R Ibnu Majah No 466. Muslim 1/209. Hakim 1/301. Abu Daud. Nasaii dan selain mereka. Disahihkan oleh Tirmizi. Lihat; Sunan Tirmizi 2/468. 19.

[20] Disahihkan oleh Hakim dan az-Zahabi.

[21] H/R Tirmizi 2/469.

[22] H/R Ahmad dalam Musnad 397. Dan disahihkan oleh Al-Albani dalam Silsilah as-Sahihah No. 108.

(5). فَإِذَا خَشِيَ أَحَدُكُمُ الصُّبْحَ ، صَلَّى رَكْعَةً وَاحِدَةً تُوتِرُ لَهُ مَا قَدْ صَلَّى.

"Maka jika salah seorang antara kamu takut masuk waktu Subuh maka solatlah satu rakaat witir sebagai penutup bagi solat yang telah dikerjakan".[23]

(6). مَنْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ وَلَمْ يُوتِرْ ، فَلاَ وِتْرَ لَهُ.

"Barang siapa bertembung dengan Subuh dan belum berwitir maka tiada witir lagi baginya".[24]

---

[23] H/R Malik 1/144. Bukhari 2/382 dan 385. Muslim 2/172. Dan Abu Awanah dalam Musnad 2/330-331.

[24] Hadis ini disahihkan oleh Hakim mengikut syarat Muslim dan disepakati oleh az-Zahabi. Lihat: Sunan at-Tirmizi. Jilid 2. hlm. 333.

Mengqada' Solat Witir
yang Tertinggal

Orang-orang meninggalkan witir dengan sengaja maka tidak diqada' solat witir yang ditinggal. Menurut Imam at-Tirmizi boleh mengqada' solat witir jika terlupa atau tertidur sebagaimana hadis:

أ- عَنْ أَبِيْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ نَامَ عَنِ الْوِتْرِ أَوْ نَسِيَهُ فَلْيُصَلِّ إِذَا ذَكَرَ أَوْ إِذَا اسْتَيْقَظَ.

"Dari Abu Said al-Kudri berkata: Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Sesiapa yang tertidur (dan terlepas) dari solat witir atau terlupa berwitir maka bersolatlah apabila teringat atau bangun dari tidur.[25]

ب- مَنْ نَامَ عَنْ وِتْرِهِ فَلْيُصَلِّ إِذَا أَصْبَحَ.

"Sesiapa tertidur (tertinggal) dari solat witirnya maka solatlah apabila bangun Subuh".[26]

Berkata Abu Isa: Hadis ini lebih sahih dari hadis yang pertama. Inilah pendapat para ahli ilmu di Kuffa iaitu mereka berkata: Seseorang itu boleh mengqada' solat witirnya yang tertinggal lantaran tertidur atau terlupa apabila ia terbangun atau teringat, sekalipun ia bangun tidur setelah terbit matahari, inilah juga pendapat Sufian at-Thauri.[27]

---

[25] H/R Tirmizi 2/460.
[26] H/R Tirmizi 2/461.
[27] Lihat: Al-Jami'us Sahih, Sunan at-Tirmizi Jld. 2. hlm. 331.

Hadis Kedua
(Solat Malam Tidak Melebihi Sebelas Rakaat)

(2). عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: بِتُّ عِنْدَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةً وَهُوَ عِنْدَ مَيْمُوْنَةَ فَقَامَ حَتَّى ذَهَبَ ثُلُثُ اللَّيْلِ أَوْ نِصْفُهُ إِسْتَيْقَظَ فَقَامَ إِلَى شَنٍّ فِيْهِ مَاءٌ فَتَوَضَّأَ وَتَوَضَّأْتُ مَعَهُ ثُمَّ قَامَ فَقُمْتُ إِلَى جَنْبِهِ عَلَى يَسَارِهِ فَجَعَلَنِيْ عَلَى يَمِيْنِهِ ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ عَلَى رَأْسِي كَأَنَّهُ يَمَسُّ أُذُنِيْ كَأَنَّهُ يُوْقِظُنِيْ فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ خَفِيْفَتَيْنِ قَدْ قَرَأَ فِيْهِمَا بِأُمِّ الْقُرْآنِ فِى كُلِّ رَكْعَةٍ ثُمَّ سَلَّمَ ثُمَّ صَلَّى حَتَّى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً بِالْوِتْرِ ثُمَّ نَامَ فَأَتَاهُ بِلَالٌ فَقَالَ : اَلصَّلَاةُ يَا رَسُوْلَ اللهِ ، فَقَامَ فَرَكَعَ رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ صَلَّى بِالنَّاسِ .

"Dari Ibnu Abbas beliau berkata: Aku pernah bermalam (di rumah) Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam, pada waktu itu baginda di rumah Maimunah radiallahu anha. Baginda bangun setelah dua pertiga atau di tengah malam kemudian baginda ke tempat air, baginda berwuduk aku ikut berwuduk dengannya, kemudian baginda berdiri dan aku ikut berdiri di sebelah kiri baginda maka baginda pindahkan aku ke sebelah kanannya, kemudian meletakkan tangannya di atas kepalaku seakan-akan baginda memegang telingaku dan membangunkan aku, baginda terus solat dua rakaat yang ringan. Baginda membaca Ummul Quran pada rakaat tersebut, kemudian baginda memberi salam, baginda solat sehingga sebelas rakaat termasuk witir. Setelah baginda tidur, kemudian Bilal datang dan berkata: Solat wahai Rasulullah! Maka baginda bangun dan solat dua rakaat, kemudian solat mengimami orang ramai".[28]

[28] H/R Abu Daud dan Abu Awanah, Dinukil oleh Ibnul Qayyim dalam Zaadul Maad, Dan disahihkan oleh al-Albani.

Hadis Ketiga
(Solat MalamTidak Melebihi Sebelas Rakaat)

(3). جَاءَ أُبَيُّ بْنُ كَعَبٍ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَارَسُوْلَ اللهِ أَنَّهُ كَانَ مِنِّي اللَّيْلَةَ شَيْءٌ يَعْنِيْ فِى رَمَضَانَ قَالَ : وَمَاذَاكَ يَا أُبَيُّ ؟ قَالَ : نِسْوَةٌ فِى دَارِيْ قُلْنَ : إِنَّا لاَ نَقْرَأُ الْقُرْآنَ فَنُصَلِّيْ بِصَلاَتِكَ ؟ قَالَ : فَصَلَّيْتُ بِهِنَّ ثَمَانَ رَكَعَاتٍ وَأَوْتَرْتُ

"Ubai bin Ka'ab datang menemui Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam dan berkata: Wahai Rasulullah, bahawasanya pada saya ada sesuatu iaitu di bulan Ramadan ini! Nabi bersabda: Apakah itu wahai Ubai? Beliau berkata: Perempuan-perempuan di rumahku, mereka berkata: Sesungguhnya kami tidak tahu membaca al-Quran, oleh itu kami ikut solatmu. Ubai berkata lagi: Maka aku solat bersama-sama mereka lapan rakaat dan aku berwitir. Maka Rasulullah tidak mengomentarinya".[29]

Semasa Umar memerintahkan Ubai bin Ka'ab dan Tamim ad-Daary menjadi imam solat tarawih, beliau hanya memerintahkan agar Ubai bin Ka'ab dan Tamim ad-Daary solat sebelas rakaat, kenyataan ini amat jelas sebagaimana atsar dari beliau:

أَمَرَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ أُبَيْ بْنَ كَعَبٍ وَتَمِيْمًا الدَّارِى يَقُوْمَا لِلنَّاسِ بِإِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً قَالَ : وَقَدْ كَانَ الْقَارِئُ يَقْرَأُ بِالْمِئِيْنَ حَتَّى كُنَّا نَعْتَمِدُ عَلَى الْعِصِيِّ مِنْ طُوْلِ الْقِيَامِ وَمَا كُنَّا نَنْصَرِفُ إِلاَّ فِي فُرُوْعِ الْفَجْرِ

"Umar bin al-Khattab telah memerintahkan Ubai bin Ka'ab dan Tamim ad-Daary mengimami manusia dengan sebelas rakaat Ia berkata: Imam pada waktu itu membaca ratusan ayat, sehingga kami bersandar pada tongkat kami kerana lamanya berdiri, kami tidak selesai solat kecuali menjelang fajar".[30]

---
[29] H/R Abu Ya'la. Menurut al-Haitami hadis ini Hasan. Lihat: Majma' uz-Zawaid.
[30] H/R Malik. 1/137-138.

Hadis Keempat
(Solat Malam Tidak Melebihi Sebelas Rakaat)

(4). كَانَ رَسُوْلُ اللهِ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ افْتَتَحَ صَلاَتَهُ بِرَكْعَتَيْنِ خَفِيْفَتَيْنِ ثُمَّ صَلَّى ثَمَانَ رَكَعَاتٍ ، ثُمَّ أَوْتَرَ (وَفِى لَفْظٍ) : كَانَ يُصَلِّى الْعِشَاءَ ثُمَّ يَتَجَوَّزَ بِرَكْعَتَيْنِ وَقَدْ أُعِدُّ سِوَاكَهُ وَطُهُوْرَهُ فَيَبْعَثُهُ اللهُ لِمَا شَاءَ أَنْ يَبْعَثَهُ فَيَتَسَوَّكُ وَيَتَوَضَّأُ ثُمَّ يُصَلِّى رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ يَقُوْمُ فَيُصَلِّى ثَمَانَ رَكَعَاتٍ يُسَوِّى بَيْنَهُنَّ فِى الْقِرَاءَةِ ثُمَّ يُوْتِرُ بِالتَّاسِعَةِ فَلَمَّا أَسَنَّ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَخَذَهُ اللَّحْمَ جَعَلَ تِلْكَ الثَّمَانِيَ سِتًّا ثُمَّ يُوْتِرُ بِالسَّابِعَةِ ثُمَّ يُصَلِّى رَكْعَتَيْنِ وَهُوَ جَالِسٌ يَقْرَأُ فِيْهِمَا بِقُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ وَإِذَا زُلْزِلَتْ.

"Adalah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam apabila bangun (solat) malam, baginda memulai solatnya dengan dua rakaat yang ringan, kemudian solat lapan rakaat diteruskan dengan witir.[31] (pada lafaz yang lain): Rasulullah sallallahu 'alaihi solat Isya* kemudian menambahnya dengan dua rakaat, aku siapkan siwak (penggosok gigi) dan air wuduk untuknya, baginda berwuduk dan solat dua rakaat. Kemudian baginda solat lapan rakaat, baginda menyamakan bacaan antara rakaat-rakaat tersebut Kemudian berwitir pada rakaat yang kesembilan. Setelah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam lanjut usia dan gemuk, baginda menjadikan solat yang lapan rakaat kepada enam rakaat, kemudian baginda berwitir pada rakaat yang ketujuh. Kemudian baginda solat dua rakaat dengan duduk, baginda membaca pada rakaat tersebut Qul Ya aiyuhal Kafirun dan Iza zulzila".[32]

Melihat hadis ini seolah-olah Rasulullah solat melebihi sebelas rakaat tetapi setelah memahami maksud dua rakaat yang ringan (pendek) sebelum solat yang panjang maka maksud hadis ini ialah yang dua rakaat yang adalah solat ba'diyahtul Isya' kerana kadangkala Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam meminda solat ba'diyahtul Isya'nya (solat sunnah selepas Isya') sehingga di waktu tengah malam atau satu pertiga dari malam. Dan yang membezakannya dengan qiamullail ialah bacaan dan berdirinya yang panjang kerana dua rakaat sebelumnya dibaca ayat yang pendek.

---

[31] Hadis dikeluarkan oleh Muslim. 2/184.

[32] Hadis dikeluarkan oleh Tahawi 1/165 dengan sanadnya yang sahih Ahmad 5/168. Abu Awanah 2/304. Nasaii 1/250. Dan Imam Darimi 1/371. Baihaqi 3/27 dan Ibnu Hazam (dalam Al-Muhalla) 3/42-43.

Hadis Kelima
(Solat Malam Tidak Melebihi Sebelas Rakaat)

(5). كَانَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرْقُدُ ، فَإِذَا اسْتَيْقَظَ تَسَوَّكَ ثُمَّ تَوَضَّأَ ثُمَّ صَلَّى ثَمَانَ رَكَعَاتٍ يَجْلِسُ فِي كُلِّ رَكْعَتَيْنِ فَيُسَلِّمُ ثُمَّ يُوتِرُ بِخَمْسِ رَكَعَاتٍ لاَ يَجْلِسُ إِلاَّ فِي الْخَامِسَةِ وَلاَ يُسَلِّمُ إِلاَّ فِي الْخَامِسَةِ ، فَإِذَا أَذَّنَ الْمُؤَذِّنُ قَامَ فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ خَفِيفَتَيْنِ.

Adalah Rasulullah sallallahu alaihi wa-sallam tidur maka apabila bangun baginda bersiwak kemudian berwuduk, seterusnya solat lapan rakaat, baginda duduk di setiap dua rakaat dan memberi salam. Kemudian solat witir lima rakaat, tidak duduk kecuali pada rakaat yang kelima, tidak memberi salam kecuali pada rakaat yang kelima. Ketika muazzin mengumandangkan azan, baginda bangkit solat dua rakaat yang ringan". [33]

Di dalam hadis ini kelihatan Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam solat 13 rakaat tetapi dua rakaat yang terakhir disebut "Solat dua rakaat yang ringan" iaitu solat dua rakaat sebelum fajar, bukan solat malam atau qiamullail. Ini menunjukkan bahawa solat malam baginda tetap sebelas rakaat, bukan tiga belas rakaat.

[33] H/R Ahmad 2/123,130 dengan sanadnya mengikut syarat Bukhari dan Muslim. Muslim 2/166. Daud 1/210. Tirmizi 2/321 disahihkan olch Tirmizi. Nasaii 1/250. Dan Imam Darimi 1/371. Baihaqi 3/27 dan Ibnu Hazam (dalam Al-Muhalla) 3/42-43.

Hadis Keenam
(Solat Malam Tidak Melebihi Sebelas Rakaat)

(6). كَانَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّيْ فِيْمَا بَيْنَ أَنْ يَفْرُغَ مِنْ صَلاَةِ الْعِشَاءِ وَهِيَ الَّتِيْ يَدْعُوْ النَّاسَ الْعَتَمَةَ إِلَى الْفَجْرِ إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً ، يُسَلِّمُ بَيْنَ كُلِّ رَكْعَتَيْنِ ، وَيُوْتِرُ بِوَاحِدَةٍ وَيَمْكُثُ فِي سُجُوْدِهِ قَدْرَ مَا يَقْرَأُ أَحَدُكُمْ خَمْسِيْنَ آيَةً قَبْلَ أَنْ يَرْفَعَ رَأْسَهُ.

"Adalah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam solat pada waktu antara selesai solat Isya' yang dinamakan oleh manusia solat ‘atamah Iaitu solat sehingga ke waktu fajar. Baginda solat sebanyak sebelas rakaat, baginda memberi salam di setiap dua rakaat dan witir satu rakaat Baginda berhenti pada waktu sujudnya selama seseorang membaca 50 ayat sebelum bangun mengangkat kepalanya". [34]

Menurut al-Albani rahimahullah hadis ini menunjukkan sebagai dasar yang membolehkan solat witir satu rakaat.

[34] H/R Ahmad 2/215,248. Muslim 2/155. Abu Daud 1/209. Abu 'Awanah 2/326. Dan Tahawi 1/167.

Hadis Ketujuh
(Solat Malam Tidak Melebihi Sebelas Rakaat)

(7) . عَنِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَجُلاً سَأَلَ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ صَلاَةِ اللَّيْلِ فَقَالَ : صَلاَةُ اللَّيْلِ مَثْنَى مَثْنَى فَإِذَا خَشِيَ أَحَدُكُمُ الصُّبْحَ صَلَّى رَكْعَةً وَاحِدَةً فَتُوْتِرُ لَهُ مَا قَدْ صَلَّى.

"Dari Ibnu Umat, bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam tentang solat malam maka baginda bersabda: Solat malam itu dua rakaat dua rakaat. Jika seseorang daripada kamu takut bertembung dengan Subuh, solatlah satu rakaat supaya menggantikan jumlah rakaat yang telah dikerjakan".[35]

فَمَنْ شَاءَ فَلْيُوْتِرْ بِخَمْسٍ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُوْتِرْ بِثَلاَثٍ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُوْتِرْ بِوَاحِدَةٍ.

"Maka barang siapa ingin berwitir dengan lima rakaat dan barang siapa ingin berwitir tiga rakaat dan Juga barang siapa yang berwitir satu rakaat"

Hadis di atas ini menunjukkan bahawa dibolehkan untuk seseorang yang ingin melakukan solat witir satu rakaat.

[35] H/R Bukhari 2/382,385. Muslim 2/172. Malik 1/144. Dan Abu Awanah 2/330-331.

Qunut dalam Solat Witir

Membaca qunut dalam solat witir hukumnya sunnah. Ia dibaca dalam rakaat yang terakhir iaitu sebelum rukuk atau setelah membaca surah. Tetapi ada kalanya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam membaca qunut setelah rukuk'. Antara dalil yang menunjukkan berqunut sebelum rukuk' ialah sabda Rasulullah:

عَنْ أُبَيْ بْنِ كَعَبْ قَالَ : أَنْ رَسُوْلَ اللهَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُوْتِرُ فَيَقْنُتُ قَبْلَ الرُّكُوْعِ.

"Dari Ubai bin Ka'ab berkata: Bahawasanya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam mengerjakan witir lalu berqunut sebelum rukuk". [36]

عَنْ عَلْقَمَةَ أَنَّ ابْنَ مَسْعُوْدٍ وَأَصْحَابَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانُوْا يَقْنُتُوْنَ فِى الْوِتْرِ قَبْلَ الرُّكُوْعِ.

"Dari Alqamah bahawasanya Ibnu Masoud dan para sahabat Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam mereka berqunut dalam solat witir mereka sebelum rukuk". [37]

---

[36] H/R Abu Daud. Nasaii, 235. Ibnu Majah No. 1182.

[37] H/R Ibnu Abi Syaibah 2/302. Disahihkan oleh Al-Albani dalam Irwa ul-Ghalil 2/166 dengan sanad yang baik mengikut syarat Muslim.

SOLAT TARAWIH BERJAMAAH

Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wa-sallam bersolat jamaah di masjid bersama para sahabat hanya tiga malam. Nabi tidak meneruskan berjamaah bersama sahabat kerana ditakuti ia menjadi wajib sehingga memberatkan umat kemudiannya. Kerana baginda menyebut illatnya ***“Aku takut akan menjadi wajib atas kamu"*** [38] Hadis-hadis solat tarawih berjamaah ialah:

قَالَ أَبُوْ ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ : صُمْنَا فَلَمْ يُصَلِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِنَا حَتَّى بَقِيَ سَبْعٌ مِنَ الشَّهْرِ فَقَامَ بِنَا حَتَّى ذَهَبَ ثُلُثُ اللَّيْلِ ثُمَّ لَمْ يَقُمْ بِنَا فِى السَّادِسَةِ وَقَامَ بِنَا فِى الْخَامِسَةِ حَتَّى ذَهَبَ شَطْرُ اللَّيْلِ فَقُلْنَا : يَا رَسُوْلَ اللهِ لَوْ نَفَّلْتَنَا بَقِيَّةَ لَيْلَتِهَا هَذِهِ فَقَالَ : إِنَّهُ مَنْ قَامَ مَعَ الْإِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ كُتِبَ لَهُ قِيَامُ لَيْلَةٍ ثُمَّ لَمْ يُصَلِّ بِنَا حَتَّى بَقِيَ ثَلَاثٌ مِنَ الشَّهْرِ فَصَلَّى بِنَا فِى الثَّالِثَةِ وَدَعَى أَهْلَهُ وَنِسَائَهُ فَقَامَ بِنَا حَتَّى تَخَوَّفْنَا الْفَلَاحَ ، قُلْتُ : وَمَا الْفَلَاحُ ؟ قَالَ : اَلسُّحُوْرُ.

"Abu Zar berkata: Kami berpuasa bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam tetapi baginda tidak solat bersama kami, sehinggalah bagi tujuh hari dari Ramadan barulah baginda solat malam bersama kami hingga sepertiga malam. Pada hari keenam baginda tidak bersama kami Baginda solat bersama kami pada hari kelima sehingga ke pertengahan malam lalu kami bertanya: Ya Rasulullah, alangkah baiknya jika sekiranya engkau kerjakan sunnah itu dengan kami sisa-sisa malam kami! Baginda bersabda: Sesungguhnya barang siapa yang solat malam bersama imam sehingga selesai solat, akan ditetapkan baginya seolah-olah solat malam penuh, Kemudian setelah Itu ia tidak lagi solat bersama kami sehingga tinggal tiga hari dari bulan itu. Kemudian baginda solat semula bersama kami pada malam ketiganya sehingga kami takut kehilangan al-Falah. Aku bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam, apakah itu al-Falah?

[38] H/R Bukhari, Muslim Abu Daud, Nasaii, Ahmad, al-Faryabi dan Ibnu Nasr.

Baginda bersabda: Sahur" [39]

عَنْ نُعْمَانِ بْنِ بَشِيْرٍ قَالَ : قُمْنَا مَعَ رَسُوْلُ اللهِ لَيْلَةَ ثَلاَثٍ وَعِشْرِيْنَ فِى شَهْرِ رَمَضَانَ إِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ الأَوَّلِ ثُمَّ قُمْنَا مَعَهُ لَيْلَةَ خَمْسٍ وَعِشْرِيْنَ إِلَى نِصْفِ اللَّيْلِ ثُمَّ قَامَ بِنَا لَيْلَةَ سَبْعٍ وَعِشْرِيْنَ حَتَّى ظَنَنَّا أَنْ لاَ نُدْرِكَ الْفَلاَحَ قَالَ : وَكُنَّا نَدْعُوْ السُّحُوْرَ الْفَلاَحَ.

"Dari Nu'man bin Basyir berkata: Kami pernah solat malam bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam pada malam 23 Ramadan sehingga ke satu pertiga malam, kemudian kami solat lagi pada malam 25 sehingga ke pertengahan malam. Kemudian baginda terus mengimami kami pada malam 27 Ramadan sehingga kami menyangka kami tidak sempat /olah (bersahur). Kami menyebut falah sebagai sahur". [40]

[39] H/R Abu Daud 1/217. Tirmizi 2/72-73. Baihaqi 2/494. An-Nasaii 1/238 dan disahihkan oleh beliau. Ibnu Majah 1/397. Tahawi dalam Syarhul Ma'anil Atsar 1/206. Faryabi 2/71. Dan Ibnu Nasr hlm. 89. Menurut al-Albani semua sanad mereka sahih.

[40] H/R Ahmad No. 272. Hakim 1/440 dalam al-Mustadrak dan disahihkan olehnya. Ibnu Abi Syaibah dalam Musannaf 2/90.

Tarawih Melebihi Sebelas Rakaat
Hadis-hadisnya Lemah

Tidak ada riwayat yang sahih bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam dan para sahabat baginda terutamanya Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali atau selain mereka yang pernah solat tarawih melebihi sebelas rakaat.

Imam as-Syafie dan juga Imam Tirmizi telah melemahkan riwayat solat tarawih 20 rakaat kerana semua hadis-hadis dan atsar sahabat tentang qiamullail atau tarawih di bulan Ramadan yang berkaitan dengan solat melebihi sebelas rakaat adalah hadis-hadis lemah yang tidak boleh dijadikan sandaran.

Antara hadis-hadis dan athar tersebut ialah:

Hadis melalui jalan Yazid bin Hasafah melalui jalan As-Saib bin Yazid dengan lafaz:

(1). كانوا يقومون على عهد عمر بن الخطاب رضي الله عنه في شهر رمضان بعشرين ركعة ، وكانوا يقرؤون بالمئين وكانوا يتوكؤون على عصيهم في عهد عثمان رضي الله عنه من شدة القيام.

"Mereka solat (tarawih) di bulan Ramadan pada taman Umar bin al-Khattab sebanyak dua puluh rakaat. Mereka membaca ratusan ayat Mereka bersandar dengan tongkat-tongkat mereka pada Uthman radiallahu 'anhu kerana lamanya berdiri".

Menurut **Syeikh Nasiruddin al-Albani** hadis ini adalah **"Lemah"** dan **"Mungkar"**. Menurut Imam Ahmad "Mungkarul Hadis" begitu juga yang dijelaskan oleh **az-Zahabi**.[41]

---

41 Lihat: Mizanul I'tidal. 6/515.

Menurut **Imam as-Syafie** rahimahullah berkenaan solat tarawih berjumlah 20 rakaat dari Umar radiallahu 'anhu adalah lemah.[42]

(2). وَرَوَى الْحَارِثُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِيْ ذُبَابٍ عَنِ السَّائِبِ بْنِ يَزِيْدِ قَالَ : كَانَ الْقِيَامُ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بِثَلاَثٍ وَعِشْرِيْنَ رَكْعَةً.

"Diriwayatkan oleh al-Haris bin Abdulrahman bin Abi Zubab dari as-Saaib bin Yazid ia berkata: Solat tarawih di zaman Umar radiallahu 'anhu ialah 23 rakaat".

Menurut al-Albani **hadis ini daif (lemah)** kerana Ibnu Abi Zubab lemah hafalannya. Menurut Ibnu Abi Hatim: Telah berkata bapaku: Ad-Darawardi meriwayatkan hadis ini daripada hadis-hadis **"Mungkar"**.[43]
Diriwayatkan oleh Yazid bin Rumman bahawa:

(3). كَانَ النَّاسُ يَقُوْمُوْنَ فِى زَمَانِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ فِى رَمَضَانَ بِثَلاَثٍ وَعِشْرِيْنَ رَكْعَةً.

"Mereka (manusia) yang di zaman Umar bin at-Khattab radiallahu 'anhu solat (tarawih) sebanyak 23 rakaat".

Hadis ini **munqati' (terputus)** dan dianggap lemah kerana Yazid bin Rumman tidak pernah bertemu dengan Umar bin al-Khattab. Hadis ini dilemahkan oleh al-Hafiz az-Zaila'i.[44] Dilemahkan oleh Imam an-Nawawi.[45] Dan dilemahkan oleh Al-Aini.[46] Begitu juga Imam Malik (1/138), Faryabi (1/76). Serta Baihaqi dan mereka semua telah menyebut kelemahan hadis ini.

---

[42] Lihat: Mizanul I'tidal. 1/107.
[43] Lihat: Penjelasannya dalam "Al-Jarh wal-Ta'dil" 1/2/80
[44] Lihat: Nasbur Rayah. 2/154.
[45] Lihat: Majmu' 6/33.
[46] Lihat: Umdatul Qari, Syarah Bukhari. 5/357.

Umar Hanya Memerintahkan Solat Tarawih Sebelas Rakaat

Tiada nas yang sahih menunjukkan bahawa Amirul mukminin Umar radiallahu 'anhu mengerjakan atau memerintahkan agar mendirikan solat tarawih sebanyak 20 rakaat alan lebih dari itu. Malah terdapat atsar yang sahih sanadnya menjelaskan bahawa Umar memerintahkan agar bertarawih sebelas rakaat:

عَنْ مُحَمَّدِبْنِ يُوْسُفَ عَنْ السَّائِبِ بْنِ يَزِيْد قَالَ : أَمَرَ عُمَرَ بْنُ الْخَطَّابِ أُبَيَّ بْنُ كَعَبٍ وَتَمِيْمًا الدَّارِى أَنْ يَقُوْمَا لِلنَّاسِ بِإِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً قَالَ : وَقَدْ كَانَ الْقَارِئُ يَقْرَأُ بِالْمِئِيْنَ حَتَّى كُنَّا نَعْتَمِدُ عَلَى الْعِصِيِّ مِنْ طُوْلِ الْقِيَامِ وَمَا كُنَّا نَنْصَرِفُ إِلاَّ فِى فُرُوْعِ الْفَجْرِ.

"Dari Muhammad bin Yusuf dari as-Saib bin Yazid bahawasanya ia berkata: Umar memerintahkan Ubay bin Ka'ab dan Tamim ad-Daary agar mengimami manusia (solat tarawih) dengan sebelas rakaat. Imam pada ketika itu membaca dengan ratusan ayat, sehingga kami bersandar dengan tongkat kerana lamanya berdiri Kami belum selesai sehinggalah menjelang fajar".[47]

Sanad hadis ini sahih sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Suyuthi.[48] Perawi hadis ini Muhammad bin Yusuf adalah siqah kerana Imam al-Bukhari dan Muslim menerima dan mengguna pakai hadis-hadis beliau.

Adapun riwayat Ibnu Ishaq yang menjelaskan bahawa solat Nabi di bulan Ramadan 13 rakaat beliau meriwayatkan secara *"bersendiri/tafarrada bihi"*, ini sesuai dengan riwayat 'Aisyah bahawa dari jumlah tersebut termasuk 2 rakaat solat sunnah Fajar yang disepakati oleh jamaah Ahli Hadis.

[47] H/R Malik (dalam al-Muwata') 1/137-138. Disepakati oleh Ibnu Abi Syaibah dalam "Al-Musannaf" 279/2. Dikeluarkan juga oleh Abu Bakar an-Naisaburi dalam kitab "Al-Fawaaid" 1/135. Faryabi 1/76. Dan Baihaqi dalam "Sunan Kubra" 1/496.

[48] Lihat penjelasan hadis ini dalam al-Masabih.

Walaupun dalam Fathul Bari 6/204 menyebut 21 rakaat tetapi riwayat ini tidak boleh diterima kerana:

1. Lafaz hadis tersebut menyalahi riwayat yang siqah (dipercayai) iaitu sebelas rakaat. Tambahan lagi beliau menjadi buta di akhir hayatnya kemudian berubah keadaannya. Oleh kerana itu al-Hafiz Abu Umar bin Soleh menganggap sebagai bercampur-campur di akhir hidupnya.[49] Imam Ahmad menyatakan Abdurrazak menjadi buta di akhir umurnya maka barang siapa mendengar daripadanya setelah butanya, ia tidak diterima.[50]

   An-Nasaii mengatakan: Perlu diteliti mereka yang mencatat hadis daripada Abdurrazak di saat-saat usianya.[51] Para ulama hadis menghukum sebagai "Mukhtalith/Bercampur" dan hadis serupa ini diragui, kerana tidak dapat dipastikan apakah riwayatnya sebelum atau sesudah ikhtilath/bercampur.

2. Menurut Syeikh Al-Bani rahimahullah bahawa Abdurrazak bersendiri (tafarrada bihi) dengan lafaz 21 rakaat.

[49] Lihat: Muqaddimah' Ulumul Hadis. Hlm. 407.
[50] Ibid.
[51] Ibid.